

Gariskan perkataan yang menggunakan ejaan dengan betulnya.

1. Para peserta memulakan larian selepas mendengar bunyi tiupan (wisel/wesel).
2. Pihak polis menjumpai dua pucuk (pistul/pistol) di dalam kereta perompak itu.
3. Ayah memerhatikan pekerja itu membancuh (simen/semen) untuk memasang mozek.
4. Mereka menjumpai basikal kanak-kanak yang hilang itu beberapa (meter/mitter) dari tebing sungai.
5. Kami mencari (definisi/definasi) perkataan itu dalam Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Pelawat yang hendak melawat pesakit di bahagian unit rawatan rapi perlu mengikut (prosudur/prosedur) yang telah ditetapkan.

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. **KLOUP***

1. Zarul melukis pemandangan di sawah padi itu dengan menggunakan pensil.

2. Gelang emas yang dijual di pasar malam itu bukanlah emas tulin.

3. Pelbagai jenis aksesori kereta dengan harga yang berpatutan dijual di kedai itu.

4. Pak Cik Hashim memukul bedok di masjid sebagai tanda bahawa telah masuknya waktu berbuka puasa.

5. Para pelancung yang datang ke Taman Negara tidak melepaskan peluang untuk menaiki jambatan gantung.

6. Ayah mengecat perabut lama itu dengan menggunakan syelek supaya kelihatan baharu.
